| 4.1 | 4.1.3 | SENI BAHASA |
|---|---|---|

Buku Teks ms 17

# SAHABAT SEJATI

<table>
<tr>
<td rowspan="2">
Sahabat<br><br>
Sahabat<br>
insan yang mesra<br>
insan yang mulia<br>
kusanjung budimu<br>
kujunjung pekertimu<br>
kukenang jasamu<br>
kubahagia bersamamu.<br><br>
Sahabat<br>
kauindungiku<br>
bebas daripada buli<br>
bebas daripada jenayah<br>
bebeas daripada fitnah<br>
demi silaturahim<br>
demi nusa bangsa<br>
tidak leka kita<br>
tidak lena kita<br>
di buana sandiwara.<br><br>
Sahabat<br>
kau obor cahaya sanubariku<br>
setiamu membimbing rakan<br>
penuh hemah berwawasan<br>
telusuri denai kehidupan<br>
terima kasih, sahabatku.
</td>
<td>
Nota<br><br>
Pengulangan kata (Repetisi)<br><br>
Pengulangan berlaku pada kata, ungkapan, baris, atau rangkap yang diulang dalam karya.<br><br>
• Pengulangan kata pada awal baris (anafora)<br>
Contoh: jangan kauhirau<br>
jangan kauendah<br><br>
• Pengulangan kata pada akhir baris (epifora)<br>
Contoh: sahabat selamanya<br>
mesra selamanya
</td>
</tr>
<tr>
<td>
Nota<br><br>
Singkatan kata (Sinkope)<br><br>
Singkatan perkataan yang terdapat dalam karya seperti “tak”, “nak”, “mu”, “ku” dan lain-lain lagi.<br><br>
Contoh: kerana kausudah tiada<br>
Kata kau disingkatkan daripada kata engkau.<br><br>
Contoh: nak kulupakan<br>
Kata nak disingkatkan daripada kata hendak.
</td>
</tr>
</table>

**Kenal pasti aspek pengulangan kata dan singkatan kata dalam sajak**

| | |
|---|---|
| | |

LIVEWORKSHEETS

| | |
|---|---|
| **Pengulangan kata ( Repetisi)** | |
| | |
| | |
| | |
| **Singkatan kata ( Sinkope)** | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

LIVEWORKSHEETS